

KoSiMM inisiatif HUMS tingkat kesedaran kesihatan mata, telinga

UB 24.08.2024 P.08

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Hospital UMS (HUMS) terus menggiatkan usaha meningkatkan kesedaran berkaitan kesihatan mata dan telinga menerusi inisiatif penganjuran Program Komuniti Sihat Melihat dan Mendengar (KoSiMM).

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, Program KoSiMM yang dilaksanakan sejak 2021 memberikan impak signifikan kepada peningkatan taraf kesihatan komuniti luar bandar di Sabah.

“Penganjuran program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dalam komuniti tentang pentingnya pemeriksaan kesihatan terutamanya mata dan telinga secara berkala untuk mencegah masalah kesihatan yang lebih teruk.

“Selain itu, program ini turut menyediakan akses mudah pemeriksaan awal mata



BANTUAN: Awang Suhaizam menyampaikan bantuan kaca mata kepada salah seorang murid SK Rampayan.

dan telinga dalam komuniti untuk mengenal pasti masalah pada peringkat awal, seterusnya merujuk kepada pakar sekiranya perlu.

“Alhamdulillah, UMS dan Hospital UMS mendapat maklum balas yang sangat positif berhubung dengan penganjuran program ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian pro-

gram berkenaan di Pusat Islam UMS. Teks ucapan beliau disampaikan oleh Penasihat Undang-Undang UMS Awang Suhaizam Bungso.

Menurutnya, menerusi program itu, seramai 10 pelajar dari Sekolah Kebangsaan (SK) Rampayan akan menerima bantuan kaca mata, selain tiga pesakit dari Hospital Queen Elizabeth (HQE) yang mengalami

masalah pendengaran yang akan menerima alat bantuan pendengaran.

“Saya juga difahamkan staf HUMS akan ke Pulau Mantanani bagi program jangkauan (outreach) untuk pelajar dan penduduk di sana.

“Melalui program ini dan saringan yang dilakukan, kaca mata dan alat bantu dengar boleh disumbangkan lebih awal kepada komuniti



KENANGAN: Awang Suhaizam merakamkan gambar bersama para penerima bantuan kaca mata dan alat bantuan pendengaran.

tanpa perlu menunggu bantuan kerajaan.

“Hal yang demikian kerana apabila masalah kurang dengar dikesan lebih awal, intervensi dan terapi dapat dilakukan segera agar perkembangan pendengaran dan pertuturan tidak terganggu,” katanya.

Kasim berkata, usaha sebegini dapat memastikan golongan kanak-kanak yang mengalami masalah pen-

dengaran tidak tercicir dalam pendidikan.

“Kolaboratif pihak HUMS bersama Kelab Surirumah dan Staf Wanita UMS (KE-SUMBA), SK Pulau Mantanani, dan pihak JSK Mantanani Island Resort diharapkan dapat memberikan impak yang baik kepada semua.

“Saya percaya, keberhasilan program ini tidak mungkin tanpa usaha bersama

dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak,” katanya.

Hadir sama, Pengarah HUMS Prof. Madya Dr. Malehah Mohd. Noh; Pegawai Perubatan Pakar ENT HQE Dr. Ahmad Nordin; Guru Besar SK Rampayan Ropinah Mokhtar; dan Pengarah Pusat Urbanisasi dan Kesihatan Komuniti HUMS Dr. Muhammad Syafiq Abdullah. *